



WACANA BARU

PERSPEKTIF
RUANG AWAM
BUDAYA DAN INSTITUSI

POLITIK MALAYSIA

595
C

DISUNTING OLEH **HARIS ZUAN & RIZAL HAMDAN**

KATA PENGANTAR OLEH **SHAMSUL A.B.**

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
TAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

WACANA BARU POLITIK MALAYSIA

Perspektif Ruang Awam, Budaya dan Institusi



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) adalah sebuah badan penerbit bebas yang ditubuhkan pada Januari 2000 di Petaling Jaya, Malaysia. Penerbitan **SIRD** merangkumi pelbagai bidang pengajian ilmu seperti pengajian Malaysia dan Asia Tenggara, pengajian gender, sains sosial, politik, ekonomi dan hubungan antarabangsa. Buku terbitan kami juga sesuai untuk semua lapisan masyarakat khususnya komuniti ilmunan, pelajar, badan bukan kerajaan (NGO), pembuat polisi, dan masyarakat awam.

SIRD juga mengedarkan buku (melalui cabang organisasinya; **GB Gerakbudaya Enterprise Sdn Bhd**) terbitan cendekiawan dan institusi-institusi penerbitan, NGO-NGO, dan penerbit-penerbit bebas yang lain. Selain itu, kami juga menganjurkan seminar, forum dan diskusi berkumpulan. Kami percaya, semua ini adalah bermanfaat untuk pembangunan dan penggabungan gagasan pemikiran kebebasan awam dan demokrasi.



WACANA BARU POLITIK MALAYSIA

Perspektif Ruang Awam, Budaya dan Institusi

Disunting oleh

Haris Zuan & Rizal Hamdan

PUSTAKA PERDANA



1009602

Strategic Information and Research Development Centre,
Petaling Jaya



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Hakcipta © 2012 Haris Zuan & Rizal Hamdan

Diterbitkan pada tahun 2012 oleh

Strategic Information and Research Development Centre
No 11, Lorong 11/4E, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Email: sird@streamyx.com
Website: www.gerakbudaya.com

Hak cipta terpelihara. Tidak boleh menyalin apa jua kandungan buku ini dengan apa pun bentuk dan cara-elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Cataloguing-in-Publication Data

Wacana Baru Politik Malaysia: Perspektif Ruang Awam, Budaya dan
Institusi / disunting oleh Haris Zuan & Rizal Hamdan
ISBN 978-967-5832-48-2

1. Political culture–Malaysia.
 2. Malaysia–Politics and government.
- I. Haris Zuan. II. Rizal Hamdan.
320.9595

Indeks oleh Roosfa Hashim
Reka bentuk kulit buku oleh Fahmi Reza
Atur huruf oleh Janice Cheong

Dicetak oleh Vinlin Press Sdn Bhd
2, Jalan Meranti Permai 1,
Meranti Permai Industrial Park,
Batu 15, Jalan Puchong,
47100 Puchong, Selangor, Malaysia.

Kandungan

<i>Kata Pengantar</i>	vii
<i>Biodata Penyumbang</i>	ix
<i>Nota Editor</i>	xiii
BAB 1 Lanskap Masyarakat Sipil: Evolusi, Politik, dan Pendekatan - <i>Kartini Aboo Talib@Khalid</i>	1
BAB 2 Persaingan Politik Moral: Satu Analisis Politik Budaya (Cultural Politics) Kumpulan Seni di Malaysia - <i>Soon Chuan Yean</i>	25
BAB 3 Gerakan Sosial Baru pasca Reformasi: Usaha Mengembalikan Fungsi Ruang Awam - <i>Mohd Hariszuan Jaharudin</i>	51
BAB 4 Politik Melayu di Persimpangan - <i>Nidzam Sulaiman & Zaini Othman</i>	77
BAB 5 UMNO dan Konservatisme - <i>Muhamad Takiyuddin Ismail & Ahmad Fauzi Abd Hamid</i>	97
BAB 6 Politik Hak Asasi Manusia di Malaysia - <i>Mohd Rizal Hamdan</i>	121
BAB 7 Satu Tinjauan atas Persoalan Gender di Malaysia - <i>Noraisah Yusop</i>	155

BAB 8	Dinamika Hubungan Kekuasaan antara Institusi Agama dan NGO Wanita: Isu-isu tentang Wanita Islam di Malaysia	
	- <i>Sharifah Syahirah Syed Sheikh & Rashila Ramli</i>	177
BAB 9	Membaca Habermas di Malaysia:	
	Langkah Perubahan Politik Menerusi Tindakan Komunikatif	
	- <i>Aqil Fithri</i>	195
INDEKS		207



Kata Pengantar

Masyarakat dan politik Malaysia sedang mengalami suatu proses transformasi hebat. Perkembangan pesat politik baru tidak betah dibendung lagi. Pemikiran massa sudah mula beranjak dari bersifat tradisional kepada moden. Gabungan politik pula beranjak kepada pakatan luar duga. Impak kecanggihan teknologi maklumat sangat ketara mewarnai bentuk perhubungan dengan kepantasan dan kekemasan yang serba baru yang membawakan kesedaran politik yang menonjol dalam kalangan semua peringkat masyarakat. Maka semua perkembangan ini telah membawakan suatu perubahan besar dalam cara manusia Malaysia berpolitik. Dalam perkataan lain, Malaysia sedang menyaksikan suatu perubahan positif disulam juga beberapa insiden luar jangka. Semua ini cuba digarap beberapa penulis muda yang asyik dan peka akan kedinamikan ini dalam antologi esei ini.

Untuk memperkukuh sumbangan ini, mereka mengundang beberapa penulis senior yang pernah menjadi pensyarah mereka untuk bekerjasama mengadun, memberi refleksi dan cuba meneliti perincian perkembangan ini secara kritikal. Kerencaman yang pelbagai ini dapat saya perhatikan dalam buku kecil ini tetapi ia tetap merangsang pembacaan. Tidak banyak kumpulan penulis yang sudi bersatu tenaga memberi tafsiran secara berpasukan seperti ini. Tiada sebarang unsur yang mengikat mereka kecuali suatu minat dalam memerhati secara ilmiah dan memberi pandangan ikhlas terhadap beberapa perkara yang meletus dekad terakhir ini.

Pelbagai isu menarik dapat diperhatikan dalam masyarakat kita kini, sama ada dalam perubahan cita rasa, kecenderungan kerjasama antara kaum dan persaingan yang hangat berlaku dalam pentas politik, hubungan etnik dan kecenderungan kepada idea universal. Dalam pada itu keterikatan kepada beberapa unsur tradisional seperti ikatan

kaum yang sempit, pemikiran konservatif dalam berposisi dan penyesuaian masyarakat kepada penyebaran maklumat tanpa sempadan, semuanya saling tergembleng dalam menjadikan masyarakat Malaysia dan politiknya terus maju meniti kedewasaan. Dalam pada itu semua ini berjalan dalam keseimbangan yang terpelihara, dalam suatu kesepaduan sosial yang sering dijadikan contoh oleh negara lain di dunia. Begitu panas isu etnik dan pengekalan primodialisme dan begitu terdesak masyarakat menerima desakan idea maya dan tuntutan sejagat, namun semuanya digiat dalam wadah aman, stabil dan progresif.

Masyarakat Malaysia terus berkembang pantas, demikian juga di Timur Tengah dan Asia Selatan mahupun dunia Asia lain. Namun kita masih mengekalkan moral politik yang terkawal. Rakyat Malaysia berkempen dan mengundi, berparti dan berorganisasi serta bersaing dan berlari, tetapi kita tidak meledakkan walau sebutir bom, tidak menggunakan sebarang senjata dan tetap cinta akan kestabilan yang sudah sekian lama dibaja. Meskipun berbagai-bagai laporan luar menjadikan Malaysia sebagai sasaran kritikan dan perlekehan namun dunia yang jujur tetap mengakui bahawa perkembangan Malaysia masih mencintai keamanan, pembangunan dan kestabilan. Semua ini menjadi garapan anak muda dan rakan guru mereka dalam usaha mewarnai cakupan penerbitan ini. Ia sesungguhnya boleh dibanggakan dan sewajarnya diteruskan tanpa henti.

Saya melihat usaha ini sebagai daya analitikal yang positif yang seharusnya dipupuk bagi mengisi desakan keperluan bahan bacaan dalam bahasa Melayu yang terbatas. Generasi muda dilihat kurang membaca apa lagi menulis dan dengan adanya kumpulan seperti ini ia seharusnya menjadi dorongan kepada yang lain. Syabas kepada Rizal Hamdan dan Hariszuan serta rakan-rakan dan pastikan usaha ini tidak terhenti setakat ini.

Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharudin

Pengarah-Pengasas

Institut Kajian Etnik-Universiti Kebangsaan Malaysia (KITA-UKM)